

**MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS**  
**PROJEK BRIEF**

**NO. SEBUTHARGA : MPK.Ps. SULIT 315**

**BERTARIKH : 15 FEBRUARI 2023**

**BUTIRAN TAWARAN :**

Sebut Harga Kerja-Kerja Perkhidmatan Penyelenggaraan Berkala Dan Pembaikan Bermasa (Bila Perlu) Kepada Kerja Penyelenggaraan Longkang, Penutup Longkang, Sump Dan Manhole Dalam Kawasan Seliaan Majlis Perbandaran Kangar Untuk Tahun 2023 (Zon 3 - Arau)

**LOKASI :**

Kawasan seliaan Majlis Perbandaran Kangar

**KOMPONEN / SKOP KERJA :**

**A. KOMPONEN KERJA DAN OBLIGASI KONTRAKTOR**

1. Kontraktor perlu mengisi dan melengkapkan semua kadar harga dalam dokumen tawaran sebutharga. Setiap tuntutan pembayaran adalah tertakluk kepada kadar harga yang dimuktamadkan.
2. Kontraktor perlu mematuhi dan melaksanakan kerja pembaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan atau diberikan mengikut skop kerja yang ditawarkan.
3. Kontraktor perlu menyediakan insuran kerja yang berkaitan sepanjang tempoh kontrak dan diserahkan kepada pihak Majlis Perbandaran Kangar.(MPK)
4. Komponen kerja yang terlibat adalah komponen-komponen longkang, penutup longkang, sump dan manhole seperti yang ditetapkan dalam borang sebut harga yang ditawarkan. Kerja-kerja yang terlibat adalah melibatkan kerja pembaikan, kerja penyelenggaraan, kerja membaikpulih, kerja penggantian serta termasuk kerja-kerja yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa Majlis Perbandaran Kangar (MPK).

**B. KEPERLUAN PELAKSANAAN KERJA**

1. Kontraktor hendaklah mendapatkan kelulusan secara bertulis terlebih dahulu sebelum sesuatu kerja dilaksanakan oleh Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Kangar (MPK)
2. Kontraktor perlulah melaksanakan kerja awalan yang perlu sebelum pelaksanaan kerja dilakukan. Kerja awalan adalah seperti kerja membersih kawasan, penyediaan tempat kerja yang sesuai, penyediaan papan tanda amaran dan makluman serta sebarang kerja-kerja yang difikirkan perlu.
3. Pihak Majlis Perbandaran Kangar.(MPK) berhak untuk memanggil kontraktor bagi membuat pemeriksaan berhubung kerosakan / aduan kerosakan pada bila-bila masa. Pihak kontraktor perlu membuat semakan di tapak serta mendapat kelulusan bertulis dalam tempoh selewat-lewatnya 24 jam selepas dipanggil dan melaksanakan kerja pembaikan. Sebarang kerosakan perlu diperbaiki / dimulakan dalam tempoh 24 jam dari masa yang dipanggil/kelulusan pelaksanaan diperolehi.

**MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS**  
**PROJEK BRIEF**

**NO. SEBUTHARGA : MPK.Ps. SULIT 315**

**BERTARIKH : 15 FEBRUARI 2023**

4. Kontraktor perlulah memaklumkan kepada Pihak Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Kangar (MPK) jika terdapat apa-apa permasalahan atau tambahan kerja sepanjang pelaksanaan kerja pembinaan tersebut. Sebarang pelaksanaan ke atas kerja tambahan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu.
5. Kontraktor perlu menyediakan peralatan, jentera dan mesin yang bersesuaian untuk kerja pembinaan.
6. Sekiranya pelaksanaan kerja pembinaan mengambil masa yang lebih dari 24 jam, kontraktor perlu menyediakan langkah keselamatan yang bersesuaian contohnya, menutup sementara lubang menggunakan alatan yang sesuai, pemasangan papan tanda amaran yang mencukupi termasuk pencahayaan jika perlu.
7. Pihak Majlis Perbandaran Kangar.(MPK) berhak untuk memanggil kontraktor lain bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan kerosakan sekiranya pihak kontraktor gagal menjalankan kerja-kerja bagi tempoh yang munasabah / ditetapkan. Sebarang tuntutan atas kelemahan dan kecuaian kontraktor adalah dibawah tanggungjawab kontraktor sepenuhnya.
8. Adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk mengemukakan pemakluman siap kerja kepada Majlis Perbandaran Kangar.(MPK) dalam tempoh 24 jam setelah kerja disiapkan bagi tujuan pemeriksaan dan pengesahan.

**C. TUNTUTAN DAN BAYARAN TUNTUTAN**

1. Kontraktor perlu mengemukakan tuntutan bayaran secara bulanan yang lengkap selewat-lewatnya 10hb setiap bulan berikutnya.
2. Kontraktor perlu mengemukakan laporan bergambar yang jelas dalam bentuk softcopy dan hardcopy bagi setiap lokasi kerja penyelenggaraan. Gambar perlu menunjukkan keadaan sebelum, semasa dan selepas kerja pembinaan dilaksanakan yang diambil dari sudut yang sama.
3. Pembayaran akan dibuat berdasarkan kadar harga yang dimuktamadkan dan mengikut kuantiti kerja yang diperakukan.
4. Pihak Majlis Perbandaran Kangar (MPK) adalah **tidak terikat** untuk melaksanakan pembayaran jumlah keseluruhan kerja mengikut harga kontrak/tawaran memandangkan pembayaran hanya dibuat ke atas pelaksanaan kerja yang diperakukan (**bila perlu sahaja**).